

SEJARAH DAN ADAT LINGGI

oleh

Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz

Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Disember, 1960

SEJARAH DAN ADAT LINGGI

Latchan Ilmiah

Untuk Memenuhi Keperluan Kelulusan

B.A. (Honours)

Jabatan Pengkajian Melayu

oleh

MOHAMAD ALI BIN HAJI ABDUL AZIZ

UNIVERSITI MALAYA
DI KUALA LUMPUR

DECEMBER, 1960

SEPATUH KATA

Salah satu 'adat yang di'adatkan oleh orang tua-tua dahulu ialah,
 TUJUAN 'Adat Linggi. 'Adat ini dipakai di Kampong Linggi iaitu sebuah,
 kampong orang-orang Melayu yang berketurunan Bugis Riau. Letaknya
 kampong itu ialah di selatan Negri Sembilan.

Kononnya 'Adat Linggi yang dipakai sekarang ialah satu 'adat yang sudah
 diubah oleh mereka-mereka yang chenderong kepada 'Adat Perpatih. Perubahan ini
 sungguh menarik — menarik kerana adanya gulungan waris-waris Linggi yang ter-
 pengaruh oleh 'Adat Perpatih, — menarik kerana adanya perubahan dikalangan
 masyarakat Linggi sendiri. Tujuan saya ialah hendak menggambarkan 'Adat Linggi
 dahulu dan sekarang sebagai satu pengkajian mengenai masyarakat 'adat dan juga
 hendak menentukan perubahan-perubahan serta masa perubahan itu dilakukan.

Pengkajian ini adalah terbahagi dua iaitu yang pertama ialah
 CARA PENGKAJIAN bahagian sejarah yang berasaskan dua sumber iaitu, pertama, dari
 buku-buku yang ditulis oleh orang-orang ternama, teristimewa,
 Raja Ali al-Haj, T. J. Newbold, R. J. Wilkinson, R. O. Winstedt dan J. M. Gullick,
 dan kedua, dari hasil penyiasatan saya yang telah saya bandingkan dengan tulisan-
 tulisan orang ternama itu. Bahagian ini, rasa saya, adalah berguna untuk memahami
 bahagian kedua iaitu 'Adat Linggi yang berasaskan semata-mata hasil penyiasatan
 saya sendiri.

Didalam masa menyediakan latehan ini saya telah menemui beberapa
 BERTERIMA KASIH orang tua-tua Linggi dan kepada merekalah saya ucapkan sebanyak
 terima kasih, terutamanya kepada Dr. Mohd. Said bin Mohamad,
 Menteri Besar Negri Sembilan, Che'Gu Abdul Samad bin Zainuddin, Dato' Panglima Perang
 Linggi, dan Inche' Yahya bin Abu, Dato' Muda Linggi. Kepada Tuan Mohd. Yusof bin
 Darus, Pegawai Daerah Port Dickson, yang telah meminjamkan saya buku Undang-Undang

Tubuh Kerajaan Negri Sembilan 1959, dan juga kepada Tuan Haji Zainal 'Abidin bin Ahmad dan Tuan Haji Abdul Aziz bin Haji Mohd. Khamis yang telah memberi saya banyak dorongan dan petunjuk, saya ucapkan terima kasih.

Akhirnya ucapan terima kasih saya adalah ditujukan kepada Tuan M. G. Swift yang telah membimbing saya dari awal hingga akhir pengkajian ini.

Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz.

Universiti Malaya di Kuala Lumpur,
December, 1960.

K A N D U N G A N

	Muka
SEPATAH KATA	i
BAB I - PENDAHULUAN	1
BAB II - SEJARAH LINGGI	3
BAB III - 'ADAT LINGGI	21
BAB IV - PENTADBIRAN 'ADAT	33
BAB V - PEMBESAR PEMBESAR LINGGI	38
BAB VI - PERTIKAIAN 'ADAT DI LINGGI	44
BAB VII - PENUTUP	52
RENGKASAN (Inggeris)	57

PENGHUJUNGAN:

1. PETA LINGGI
2. PETA NEGRI SEMBILAN
3. SURAT IKHRAR WARIS-WARIS LINGGI
4. ASAL USUL DATO' MUDA
5. ASAL USUL ORANG LINGGI
6. SUMBER BACHAAN

III

ADAT LINGGI¹1. Sebelum tahun 1912.1.1. Asal usul 'Adat Linggi'

Ada pun yang mula-mula membuka bolah Linggi ialah Lebai Dolman dan adeknya Kanda 'Ali. Kemudian datang pulah Mahmud dan Noh diikuti oleh Haji Kassim dan Khatib Musa. Anak buah orang-orang ini turut pindah, maka bertambah ramailah penduduk di kampung Linggi itu².

Apabila kedudukan orang-orang ini telah tetap di Linggi maka Lebai Dolman pun diangkat oranglah menjadi ketua yang pertama bergelar Dato' Penghulu. Empat tahun kemudian Lebai Dolman telah munafakat dan berkebulatan dengan segala waris yang tua-tua untuk menyerahkan pangkatnya kepada bapa saudaranya Juragan Abdul Rahman.

Pangkat Dato' Penghulu itu disebut 'ketuan' dan inilah lambang 'adat pesaka orang Linggi yang telah di 'adatkan. Juragan Abdul Rahman diganti oleh menantunya iaitu Mohd. Attas yang telah diangkat menjadi ketua bergelar Dato' Muda. Dia pernah menolong mertuanya dan oleh kerana dia muda dan lagi kerana hendak membedzakan dia daripada mertuanya maka dia dipanggil orang Dato' Muda.³ Maka lekatlah gelaran itu kepadanya.

Dato' Muda Mohd. Attas diganti oleh Dato' Haji Mohd. Salleh yang juga menantu Juragan Abdul Rahman. Dato' Muda Haji Mohd. Salleh diganti oleh anaknya Haji Mohd. Peral dan lepas itu Mohd. Bustam pula menjadi Dato' Muda.

Dato' Muda Mohd. Bustam meninggal dunia dalam tahun 1912 dan oleh kerana orang-orang Linggi tiada mendapat kebulatan diatas lantikan gantinya maka pesaka Linggi itu telah terpendam selama dua puluh tahun.

1. Hasil pertemuan saya dengan To' Perang Abdul Samad dan Dr. Mohd. Said.
2. Lihat ms. 14 hal. 19, dlm. Lat. Ilm. ini.
3. Ibid. ms. 15 hal. 4 Cheraian 2.8.

1.2. Tentang nam 'adat.

Pada hemah saya 'Adat Linggi' ini adalah merupakan rengkasan kata-kata 'adat orang Linggi' atau pun 'adat di Kampong Linggi' dan bukannya nama 'adat'. Disini timbullah satu pertanyaan iaitu 'adat apakah yang dipakai didalam Linggi. Pastilah ada namanya.

Untuk mendapatkan penjelasan yang lanjut lagi marilah kita tinjau kebelakang iaitu ke tahun 1802. Pada masa itu Lebai Dolman menjadi Dato' Penghulu Linggi. Adalah diceritakan oleh orang tua-tua Linggi bahawa Lebai Dolman hendak menjemput bapa saudaranya Juragan Abdul Rahman balik ke Linggi untuk dijadikan Dato' Penghulu yang kedua¹. Tetapi Lebai Dolman tidak dapat membuat keputusan yang mu'tamad. Oleh itu dia mengadakan satu kerapatan segala waris yang tua-tua serta mushuarat dan muafakat untuk mendapatkan kebulatan ya'ni persetujuan segala waris Linggi.

Chara yang dibuat oleh Lebai Dolman itu ialah asas utama 'adat orang Linggi. Ini adalah chochok dengan kata-kata didalam surat ikhrrar² segala waris Linggi yang tua-tua yang berbunyi demikian:

"Shahadan jikalau ada pula sesuatu perkara dan perbuatan..... maka hendaklah dengan mushuarat dan muafakat serta kebulatan dahulu maka baharulah boleh dijadikan dan dilalukan."

Diingatkan juga bahawa surat ikhrrar itu ialah "satu tanda muafakat dengan kebulatan dan kerapatan segala ahli-ahli waris didalam Linggi"³ dan surat itu dibuat dan ditanda-tangani lebeh kurang sembilan puluh tahun sesudah lantekan Dato' Penghulu Abdul Rahman itu. Dalam perkataan lain 'adat orang Linggi itu lebeh tepat disebut "'Adat Muafakat dan Kebulatan"⁴ dan inilah yang sebenar-benarnya peratoran pesaka orang Linggi yang telah di'adatkan oleh orang tua-tua Linggi dahulu.

1. Ibid. ms. 5 hal. 1-3.

2. Lihat penghujongan 3 hal.5-6.

3. Lihat penghujongan 3 hal. 2.

4. Ini telah ditegaskan beberapa kali kepada saya oleh Dr. Mohd. Sa'id.

1.3. Fasal pesaka 'adat.

Dalam tiap-tiap 'adat kita pasti bertemu dengan perkara pesaka dan "Adat Muafakat dan Kebulatan"¹ tidaklah ketinggalan dalam lapangan ini. Oleh itu kita boleh bertemu dengan peratoran seperti yang dibawah ini:

- (1) Segala waris Linggi yang tua-tua dikehendaki berkebulatan bila hendak membuat Dato' Mada, kemudian baharulah disampaikan kebulatan itu kepada Undang.²

Bulat waris menjadikan Dato' Mada, tetapi jika tidak bulat segala waris dicherikan jalan lain kerana pesaka tidak boleh tidak mesti ditegakkan juga. Buat ini diadakan pula satu lagi peratoran iaitu:

- (1) Jika sekiranya waris Linggi tiada berkebulatan, hendaklah waris itu menchari kebulatan untuk memulangkan perkara pesaka itu kepada Undang dan siapa-siapa waris Linggi yang dipilih Undang akan menyandang pesaka itu.

Peratoran yang kedua itu adalah sesuai dengan syarat yang dikenakan oleh 'Dato' Kelana Loha kepada orang-orang Bugis di Linggi dalam tahun 1783³.

Menurut kedua-dua peratoran itu waris Linggi dikehendaki menyampaikan kebulatannya kepada Undang sama ada kebulatan itu untuk menegakkan pesaka atau pun untuk memulangkan perkara itu kepada ibu-bapa. Menyampaikan kebulatan waris itu bukannya satu perkerjaan yang dilakukan oleh sebarang waris, hanya Dato' Panglima Besar sahaja yang boleh menyempurnakan perkerjaan itu.

1.4. Ibu-bapa dan peranannya.

Dalam kedua-dua peratoran yang diatas ada disebutkan nama Undang. Ini menarik perhatian dan patut dijelaskan disini. Setahu saya Linggi itu ialah wilayah yang merdeka dalam Luak Sungai Ujong dan penduduk-penduduknya dari awal lagi telah diberi kebebasan untuk mengator 'adat isti'adatnya sendiri. Oleh yang demikian Dato' Mada berkuasa untuk menyelesaikan dan menguruskan

1. Selanjutnya akan disebut 'Adat Linggi' sahaja.
 2. Yang dimaksudkan disini ialah Dato' Kelana Undang Luak Sungai Ujong.
 3. Lihat ms.13 hal.1-2, dlm. Lat. Ilm. ini.

perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan 'adat resam orang Linggi. Sungguhpun demikian Linggi itu sudah mengaku anak kepada Dato' Kelana dan Dato' Shah-Bandar.¹

Oleh sebab itu kedua-dua Dato' Kelana dan Dato' Shah-Bandar disifatkan sebagai ibu-bapa dan patut diberi tahu tentang apa-apa lantekan yang dibuat waris di Linggi. Mereka dibenarkan menchampur tangan didalam hal Linggi jika diperlukan. Tetapi ibu-bapa tidak boleh membuat demikian atau pun membuat serta mengubah apa-apa atoran 'adat orang Linggi jika tidak mendapat persetujuan atau kebulatan segala waris terlebih dahulu. Begitu jugalah dengan perlantekan Dato' Muda. Ibu-bapa tidak boleh 'membuat'nya dengan sekehendak hati sahaja sebelum perkara itu dipulangkan kepadanya oleh segala ahli-ahli waris Linggi yang tua-tua.

1.5. Waris, harta pesaka dan penchen

Asal orang Linggi ialah sebatang sahaja iaitu berasal dari dzuriat yang satu, kerana Dato' Awaludin dan kakaknya Dato' Srilah itu adek beradek kandong. Sudahlah demikian, mereka datang dari tempat yang satu iaitu Riau.

Orang-orang Linggi itu boleh diumpamakan dengan padi setangkai. Mereka adalah berketurunan daripada Bugis Riau dan mereka tiada bersuku, tiada berlembaga dan boleh pula berkahwin sewaris. Anak laki-laki lebih diutamakan daripada anak perempuan iaitu sesuai dengan hukum Shara'. Walau bagaimana pun, bila hendak menentukan hak kewarisan seseorang itu keturunan dari pihak ibu dipakai juga. Yang jelas kepada saya ada tiga jalan yang boleh menentukan waris Linggi:

- (1) jika kedua-dua ibu-bapa waris anaknya pun waris,
- (2) jika ayah waris dan ibu orang lain, anaknya waris,

1. Dabulu Linggi "beribu ke Rembau, berbapa ke Sungai Ujong", tetapi setelah berlakunya peristiwa tahun 1877 itu, Linggi pun memutuskan ikatannya dengan Rembau dan telah "beremak" pulah kepada Dato' Bandar.
Lihat ms. 19 hal. 5-7, dlm. Lat. Ilm. ini.

ian (3) jika ibu waris dan ayah orang luar, anaknya waris juga.

Harta pesaka lazimnya diturunkan kepada anak laki-laki dan perempuan mengikut apa yang diterangkan dalam surat wasiat atau pun mengikut apa yang dipesankan. Tetapi jika keterangan yang demikian tiada ditinggalkan maka pembahagian harta itu jatuh kepada dua chara, iaitu pertama sechara berpakat dan kedua mengikut Hukum Shara' iaitu sechara Faraid.

Orang-orang yang hendak menerima harta itu ialah adek beradek. Oleh itu mereka dijangka akan berpakat serta bertolak ansor dalam hal ini. Jika pakatan itu tiada dapat pembesar-pembesar Linggi akan menchampur tangan dan menasehatkan mereka yang berkenaan supaya dibahagikan harta itu sechara Faraid iaitu dua bahagian kepada anak laki-laki dan satu bahagian kepada anak perempuan. Ini dilakukan jika pembesar-pembesar itu diberi tahu tentang hal itu.

Rumah biasanya diturunkan kepada anak perempuan yang bongsu. Bagaimana pun saudara-saudaranya baik laki-laki atau pun perempuan boleh tinggal disitu jika mereka tiada mempunyai rumah lain. Saudara laki-laki tentulah beristeri dan saudara perempuan bersuami. Tentulah mereka tidak senang tinggal serumah dengan adek bongsunya yang juga mempunyai suami. Oleh itu mereka mendirikan beberapa buah rumah lain berhampiran dengan rumah pesaka itu. Mendirikan rumah lain memang digalakkan dan sechochok dengan kata orang, "biar banyak rumah jangan ramai dalam rumah."

Seperti Dato' Muda dan ketiga-tiga Orang Besarnya, waris Linggi adalah berpenchen. Sejak Dato' Muda Haji Mohd. Peral diberi penchen dalam tahun 1874 dahulu, Dato' Muda Linggi telah menerima penchen sebanyak \$380-sebulan. Penchen ini berjalan hingga hari ini. \$190/- diambil oleh Dato' Muda buat bahagiannya¹. Bakinya diberi kepada waris dan dibahagi-bahagikan di-antara Orang Besar² Linggi dan waris-waris lain. Pembayaran penchen-penchen waris itu

-
1. Sekarang bahagian Dato' Muda ialah sebanyak \$260/- sebulan.
 2. To' Besar mendapat \$36/-, To' Perang \$17.50¢, dan To' Laksamana \$10/- . Ada kemungkinannya penchen-penchen ini ditambah pada masa yang akan datang.

dijalankan oleh Dato' Panglima Besar dan dia jugalah yang menerima penchen itu dari Dato' Muda. Dalam perkataan lain penchen waris itu ialah pemberian Dato' Muda¹.

Penchen waris Linggi itu turun temurun iaitu apabila waris yang menerima penchen itu mati penchennya dibahagi-bahagikan sama banyak dan diberi kepada anak-nya baik laki-laki atau pun perempuan. Dan lagi, keterunan daripada laki-laki dan perempuan diberi waris allowance.

2. Perpechahan dikalangan masharakat Linggi.

Pada tahun 1893 iaitu setelah Dato' Muda Haji Mohd. Peral meninggal dunia, orang-orang Linggi tiadalah mendapat kebulatan diatas lantekan gantinya. Major juga mereka dapat kebulatan untuk memulangkan perkara lantekan itu kepada ibu-bapa².

Dalam tahun 1912 D. H. Mohd. Bustam pula meninggal dunia. Sekali lagi waris-waris Linggi tiada mendapat kebulatan baik kebulatan untuk menegakkan pesaka mau pun kebulatan untuk memulangkan perkara itu kepada ibu-bapa.

Nampaknya waris-waris Linggi sudah mula berpechah-pechah dan tidak bulat lagi. Ini tidak mengherankan kerana perkara yang begitu boleh berlaku didalam tiap-tiap masharakat. Sekumpulan keluarga yang berketurunan dari dzuriat yang satu atau yang sepertalian³ akan bertambah dan menjadi besar dalam beberapa keturunan⁴. Kumpulan yang bertambah besar itu boleh dianggap sebagai satu suku "yang terbahagi kepada beberapa puak yang berasingan, tiap-tiap satunya mengandungi beberapa orang yang mengaku dirinya sepertalian atau seperut."⁵

-
1. Menurut cheritanya semasa Dato' Muda mula-mula diberi penchen waris-waris. Linggi tidak diberi waris allowance seperti waris-waris ditempat lain dalam Negri Sembilan. Oleh itu waris Linggi telah pergi berjumpa Dato' Muda dan meminta bahagian mereka, Oleh Dato' Muda itu diberinya sebahagian penchenya kepada waris itu.
 2. Lihat ms.19 hal.5 Cheraian 2.13. dlm. Lat. Ilm. ini.
 3. Istilah bagi kata 'unilineal'.
 4. African systems of Kinship and Marriage ed. A. R. Radcliffe-Brown and Daryll Forde. ms.68 hal.28-29.
 5. Ibid. ms.39 hal.23-24.

apabila sampai masa menegakkan pesaka, tiap-tiap pihak itu akan menyokong salah seorang daripada ahlinya. Oleh kerana adanya perasaan berpuak-puak itu orang-orang Linggi sudah berpecah belah dan dengan adanya perpecahan dikalangan waris-waris Linggi itu, maka pesaka Linggi telah terhenti selama dua puluh tahun.

3. Sejak tahun 1932.

3.1. Geleran berperut.

'Adat Linggi yang berjalan sekarang di Kampong Linggi bukannya 'adat yang asal tetapi ialah satu 'adat yang telah diubah dan dibuat baharu mengikut chara 'Adat Perpatih.

Selama dua belas tahun waris Linggi berpecah belah dan didalam masa inilah mereka yang berkenaan telah berikhtiar untuk menyelesaikan pertikaian itu. Didalam usaha mencari penyelesaian itu maka pada tahun 1924¹ ternampaklah kepada mereka satu susunan¹ yang hanya dapat dipakai pada tahun 1932. Susunan itu cuma mengambil asal Dato' Muda iaitu daripada Dato' Muda Mohd. Attas dan tidak mengirakan Lantakan Lebai Dolman dan Juragan Abdul Rahman yang dahulu daripadanya.

Dato' Muda Linggi yang pertama ialah Dato' Mohd. Attas, emaknya Rahimah. Dato' Muda yang kedua ialah Dato' Haji Mohd. Salleh, emaknya Fatimah. Kedua-dua perempuan itu anak kepada Dato' Awaludin. Keturunan daripada Rahimah disebut Perut Solok dan keturunan daripada Fatimah disebut Perut Hilir.² Kedua-dua perut ini mementingkan keturunan daripada nisab ibu dan anak laki-laki dari saudara perempuan yang tua selalunya dapat menyandang pesaka.

Dato' Muda yang ketiga ialah Dato' Haji Mohd. Peral iaitu piut³ kepada Che' Bani yang bersuamikan suami To' Srilah iaitu To' Kunut. Menurut siasatan² Dato' Muda Hassan, Dato' Haji Mohd. Peral itu diambil oleh waris tua Linggi,

1. Lihat penghujongan 4.

2. Ini telah diceritakan kepada saya oleh Dato' Muda Yahya bin Abu. Beliau menjadi To' Besar semasa Dato' Muda Hassan masih hidup lagi.

Haji Jalal namanya, dan dijudikan Dato' Muda. Sebabnya ialah Linggi pada masa itu hendak bergaduh dengan Rembau. Oleh itu Haji Mohd. Perak dijadikan Dato' Muda sebab dia berharta dan diagak boleh menahan serangan-serangan¹ musuh. Tetapi pergaduhan itu tidak jadi. Keturunan daripada adek beradek Dato' Muda Mohd. Peral sebelah perempuanlah yang diakui sebagai Perut yang ketiga iaitu Perut Pengkalan. Perut yang ketiga ini didatangkan sebagai satu ikhtiar untuk menyelesaikan pertikaian adat di Linggi pada masa itu.

Bersama-sama atoran berperut ini timbullah atoran bergoler. Pangkat Dato' Muda itu dijadikan pesaka yang disandang sechara geleran diantara ketiga-tiga perut itu. Jika ditilik betul-betul akan tumbuhnya pembesar-pembesar Linggi yang telah lalu, ada juga irasnya dengan atoran 'Adat Perpateh¹'. Agak-nya hal yang demikian telah mempengaruhi Dato' Muda Hassan dan lebeh-lebeh lagi Dato' Kelana Tua yang menamatkan perubahan itu sebagai satu penyelesaian.

Selain daripada itu waris Linggi diminta menitik-beratkan kepada kebulatan dalam arti kata yang sebenarnya iaitu seperti 'bulat telur terkupas'. Kebulatan yang baginilah yang dituntut oleh Dato' Kelana Tua, kalau tidak ibu-bapa berkuasa diatas lantikan ganti Dato' Muda Linggi.

3.2. Taraf waris Linggi.

Selepas Perut Hilir, geleran Perut Pengkalan pula untuk mengadakan ganti Dato' Muda. Dato' Muda Hassan bin Pok meninggal dunia dalam 1936 dan dia diganti oleh Syed Ahmad bin Syed Muhammad.

Semasa Syed Ahmad ini jadi Dato' Muda Linggi, ia telah membuat satu perubahan yang besar. Orang-orang Linggi dibedza-bedzakan dan dipechahkan kepada tiga taraf iaitu,

waris,
anak waris dan
anak pesaka.

1. Lihat penghujongan 4.

Golongan yang pertama ini 'waris' dibahagi dua iaitu,

- (a) waris yang pesaka iaitu keturunan daripada perut ayah.
Waris ini tidak boleh menyandang pesaka.
- (b) Waris yang berpesaka iaitu keturunan daripada nisab ibu.

Waris inilah yang berhak menyandang pesaka Dato' Muda itu. Yang dikatakan 'anak waris' itu ialah mereka-mereka yang beremakkan orang Linggi dan 'anak pesaka' itu mereka-mereka yang berbakakan orang Linggi.

3.3. Penchen sebagai tanda waris.

Tentang penchen waris telah dibuatkan satu atoran iaitu apabila seorang 'anak pesaka' mati, penchennya tidak boleh diturunkan kepada anaknya baik laki-laki atau pun perempuan. Sebaliknya pula penchen itu diambil dan dibahagi-bahagikan oleh Dato' Muda kepada beberapa orang yang tertentu.

Oleh yang demikian keturunan daripada 'anak pesaka' itu tidak dapat menerima apa-apa penchen dan hak kewarisannya pun hilang, kerana 'penchen' dalam istilah 'Adat Linggi yang baharu itu lebih merupakan satu tanda waris. Jika mati penchen, hak kewarisan pun turut mati.

3.4. Kewajipan waris.

Bagaimana pun waris Linggi yang berpenchen itu dikehendaki berkebulatan bak telur terkupas dalam perkara pesaka, kemudian baharulah Dato' Panglima Besar diberi tahu supaya dapat disampaikan kepada ibu-bapa.

4. Hal perkahwinan.

Telah dikatakan tadi bahawa orang Linggi boleh kawin sewaris. Nikah kawin sanak ibu dan sanak dato' adalah perkara biasa sahaja sebab perkahwinan yang demikian tidak dilarang Shara'. Ada dua syarat yang melarangkan perkahwinan di Linggi iaitu dzuriat dan susu. Dalam perkataan lain orang yang muhrim tiada boleh berkahwin; lain daripada itu dibolehkan.

-
1. Nikah kahwin diantara bapa saudara dengan anak saudara pernah juga diamalkan dan tidak pula ditegah oleh 'adat.
Lihat penghujongan 5

4.1. Dalam perkahwinan mahr atau mas kawin adalah satu-satu perkara yang tidak dapat ditinggalkan. Di Linggi pada masa lampau ada tiga tingkat iaitu:

Waris	...	...	\$40.00
Orang datang		...	\$28.00
Teman atau hamba		...	\$10.00

Tingkatan ini tidaklah kekal dan telah diubah didalam masa Mohd. Bustam menjadi Dato' Muda Linggi. Sebabnya begini: ada seorang anak orang datang bernama Bakar dari Permatang Pasir. Dia telah meminang anak seorang waris. Pihak perempuan hendakkan \$40.00 tetapi pihak laki-laki tetap dengan \$28.00 dan tidak mahu membaya tuntutan daripada pihak perempuan itu. Dato' Muda Mohd. Bustam diberi tahu dan ia cuba menyelesaikan perkara mas kawin itu, tetapi penyelesaian tidaklah dapat dicapai. Oleh sebab itu hal itu dibawa kepengitahuan ibu-bapa dan kesudahannya disamakan mahr itu kepada semua orang iaitu \$40.00.

Didalam masa Syed Ahmad menjadi Dato' Muda Linggi didatangkannya pula perbedzaan waris dengan anak pesaka diatas perkara mas kawin iaitu,

Waris	...	...	\$48.00
anak pesaka		...	40.00

dan tingkatan inilah yang dipakai sekarang ini.

4.2. Di Linggi perkahwinan ialah satu istiadat yang ringkas. Perbilangan tidak ada dan peratorannya ialah seperti kata pepatah iaitu 'singkap daun petik buah'. Lazimnya si laki-laki datang kerumah perempuan dan tinggal disitu atau pun mendirikan rumah lain tetapi berhampiran dengan rumah perempuan itu.

Nikah kawin disudahkan didalam senari sahaja; hari langsung dan hari menyalang adalah sama iaitu sesudah langsung dirumah pengantin perempuan kedua-dua pengantin itu pergi menyalang kerumah pengantin laki-laki dan kemudian balik kerumah pengantin perempuan pada hari itu juga.

4.3. Didalam majlis nikah kawin itu pembesar-pembesar Linggi turut hadir. Pembesar-pembesar itu menjadi saksi serta menengokkan 'adat iaitu siapa-siapa pembesar Linggi yang ada disitu diminta mengirakan hantaran dan mas kawin sekali.

Adat hendaklah cukup tetapi hantaran adalah bebas, iaitu mengikut kemampuan masing-masing. Pembesar-pembesar tidak ada tempat khas didalam majlis itu. Tetapi Dato' Muda dimuliakan iaitu dengan bertudong hidang ya'ni hidangannya, diletakkan diatas palar yang bertudong, nasinya diatas semberip dan cherek air basoh tangan.

4.4. Ada satu upacara yang mesti dilakukan terlebih dahulu iaitu upacara menjemput, ialah tidak pengantin laki-laki tidak mahu datang. Satu palar yang diisi dengan berbagai-bagai kueh 'pengantar' dibawa kerumah pengantin laki-laki itu oleh pihak perempuan. Kueh-kueh itu diberi kepada kawan-kawan pengantin laki-laki itu dan sesudah itu baharulah dia meninggalkan rumahnya. Sekarang satu meja kecil dibuat khas untuk upacara itu dan meja itu diisi dengan kueh-kueh seperti penganan, dodol¹, pulut himpit, kueh kering dan berbagai-bagai kueh moden. Upacara-upacara lain seperti menziarah saudara mara, berarak dan mandi dipelantar tidak lagi dilakukan sekarang.

4.5. Ada juga berlaku kawin paksa iaitu jika seseorang itu disalahkan. Ganti tikar pernah juga berlaku pada masa dahulu tetapi jarang sekali. Bagitu juga dengan mengkeruah dan jika ada berlaku 'adat'nya ialah dua kali ganda, satu daripadanya sebagai bayaran sagu hati kepada ibu-bapa si perempuan. Menyerah lazimnya dilakukan didalam pertunangan ya'ni hendak melepaskan perkahwinan. Buat ini pengantin laki-laki digandakan 'adat'nya sekali sahaja. Juga dipakai sekarang ialah 'adat "engkar laki-laki hilang, engkar perempuan ganda".' Tetapi pada masa dahulu pepatah sahaja yang dipakai dan apabila berlaku perkara engkar daripada mana-mana pihak, chinchin akan dipulangkan kepada pihak laki-laki itu.

4.6. Tidak semua perkahwinan di Linggi kekal; ada kalanya perkahwinan itu berakhir dengan percerahan. Dalam hal yang demikian harta dibahagi mengikut hukum Shara', tetapi tentang rumah yang baharu didirikan itu tidaklah nampak,

1. Di Linggi dodol dengan penganan adalah berlainan; dodol itu kuning warnanya dan penganan hitam warnanya.

dibahagi-bahagian. Biasanya ditinggalkan kepada si isteri, dan lagi tidak ada didengar perkara tuntutan menuntut dari pihak laki-laki. Sering kali anak menjadi satu perkara yang rumit. Biasanya si ibulah yang menjaganya, tetapi jika banyak anak, kerap kali anak itu dibahagi dua. Satu lagi akibat pesche-raian itu ialah janda terutamanya yang perempuan tidak dapat berkawin lagi, kerana kawin sewaris di Linggi itu menyebabkan orang-orang menjadi saudara mara dan berkekurangan orang laki-laki yang boleh dijadikan suami.

5. Atoran Kekeluargaan.

Di Linggi atoran kekeluargaan disekeliling 'ego' atau 'aku' kebanyakan-nya serupa dengan atoran yang didapati didalam masharakat Melayu. Adek, abang, kakak adalah dipakai dan juga susunan mengikut tingkatan umur iaitu alang, ngah, alang dan seterusnya kepada yang bongsu adalah dipakai di Linggi.

'Bapa' dan 'ibu' jarang dipakai, yang biasanya ialah 'abah' atau 'ayah' dan 'emak' sahaja. Anak saudara tidak pernah disebut 'anak buah' tetapi disebut sebagai 'anak abang', 'anak adek', atau pun 'anak kakak saya' sahaja. Yang nyata sekali ialah tentang perbezaan diantara "dato' atan (jatan)" dengan "to' betina". 'Wan' dan 'nenek'¹ tiada dipakai di Linggi, dan 'onyang' dipakai untuk mengambil tempatnya. Selain daripada ini adalah didapati sama dengan atoran yang dipakai didalam masharakat Melayu.

1. Ada juga dipakai 'nenek' oleh sebahagian kecil daripada orang-orang Linggi. Ini, menurut Dato' Muda Yahya, ialah pengaruh Melaka.

7. Pada masa yang akan datang, perbalahan tetap akan berlaku selagi ada perkara rebut merebut itu dikalangan anak-anak Linggi. Atoran berperut itu ialah satu peratoran yang telah ditetapkan oleh Dato' Kelana Tua untuk menegakkan pesaka. Tetapi pembahagian orang-orang Linggi kepada tiga gulongan itu menghalang berpuluh-puluh anak Linggi daripada menyandang pesaka walau pun mengikut atoran berperut itu.

Oleh kerana itu eloklah perkara bedza membedza itu diselesaikan dahulu oleh orang-orang Linggi serta bersetuju sechara muafakat dan kebulatan bahawa di Linggi istilah 'perut' itu berarti satu kumpulan waris yang boleh mempesakai pesaka dari sebelah laki-laki dan perempuan. Dengan jalan ini Linggi akan menjadi aman seperti sedia kala.

SUMMARY

Linggi was known for its trade with the interior especially Sungai Ujong and the Linggi River was the highway in and out of this area where tin was found.

The first half of the eighteenth century was the period of Bugis ascendancy. An attack on Linggi helped them to take Rhio, then the centre of the Malay Kingdom of Johore. This Bugis ascendancy was feared by the Dutch whose tin monopoly at Linggi was disregarded and also was envied by the Rhio Malays. The latter forced a group of Bugis people, headed by To' Awaludin and his sister, To' Srilah, to leave Rhio for Rembau and settle at Penajis in 1775.

'Adat Perpatch, a matrilineal law, was already the established custom there and the Bugis could not conform themselves to this custom, for they had a custom of their own (which is now known as 'Adat Linggi), which allowed them to marry relatives on their mother's side (nikah sanak ibu), — a practice which was incest among people of 'Adat Perpatch.

They left for Sungai Ujong. In 1783 they moved to the mouth of the Linggi River where they were allowed by Dato' Kelana Laha to settle and practise their own custom. But after some time they had to return to Rembau. In 1798 Lebai Dolman, a grandson of To' Srilah, persuaded his people to go back to Linggi. This time the Bugis were more successful and Lebai Dolman was made the first Penghulu who was supreme (i.e. Bergajah Tunggal) in his territory.

Four years later he, after having consulted his people, gave his post to his uncle, Juragan Abdul Rahman. In 1820 his son-in-law, Mohd. Attas, succeeded him and was styled Dato' Muda Linggi. After him came Hj. Mohd. Salleh (1850-1870), Hj. Mohd. Peral (1870-1893), and Mohd. Bustam (1893-1912). The early connection of Linggi with Rembau had already come to end and the saying "Beribu ke Rembau, berbapa ke Sungai Ujong" was modified to "Berbapa ke Kelana dan beremak ke Bandar".

From 1912 to 1932 the post of Dato' Muda was vacant. In 1932 the late Dato' Kelana Sungai Ujong intervened and made the Linggi people to have "golaran berperut" — a system of rotation in accordance with 'Adat Perpatih — as the accepted rules of descent. The Linggi people were, and still are, divided into three groups, viz., Perut Solok, Perut Hilir, and Perut Pengkalan. They are classified further into three categories within each of these groups, viz., waris, anak waris, and anak pesaka. "Waris" is of two types; one being 'waris yang pesaka' or descendants from father's side and the other being 'waris yang berpesaka' or descendants from mother's side, who have the right to inherit the title of Dato' Muda Linggi. "Anak waris" are those descendants from the female side and "anak pesaka" are those from the male side.

Che'Gu Hassan bin Pok of Perut Hilir was the first to be appointed Dato' Muda Linggi under the new system by the late Dato' Kelana Sungai Ujong in 1932. Four years later he was succeeded by Syed Ahmad bin Syed Muhammad of Perut Pengkalan and in 1959 Dato' Yahya bin Abu of Perut Solok was made the new Dato' Muda Linggi.

According to R.J. Wilkinson, Dato' Muda Linggi occupies the position of semi-independence and to J.M. Gullick, he does not attend to Dato' Kelana on great occasions. He is said "tinda ber'adat kedudukannya".

Kampong Linggi has three Elders (Orang Besar), viz., Dato' Panglima Besar, Dato' Panglima Perang, and Dato' Laksamana. These Elders are not tribal chiefs (lembaga) but are officers under Dato' Muda. They help Dato' Muda to run the 'Adat Linggi.

The Linggi custom today consists of 'Adat Linggi (as far as marriage and property are concerned) and 'Adat Perpatih. The latter was introduced in 1932 strictly for the purpose of electing Dato' Muda and his Orang Besar. Until then, there was no conscious observance of any accepted rule except by "muafakat dan kebulatan".

PENGHUTUNGAN I


PETA LINGGI

Panduan

----- Sempadan Tajahan

○ Wilayah Linggi
dalam tahun 1798.

Kg = Kampung Sg = Sungai Bt = Bukit




PENGHUBUNGAN I

PETA LINGGI

Panduan

- Sempadan Tajahan
- Wilayah Linggi dalam tahun 1798.
- Kg = Kampung Sg = Sungai Bt = Bukit



SENGKATAN DAN SUMBER BACAAN

I. Senakatan:

dlm	...	...	dalam
jld	...	...	jilid
bil	...	...	bilangan
ms	...	...	muka surat
JMBRAS	...	...	Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society
JSBRAS	...	...	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society
Y. diP. Muda	...	...	Yang diPertuan Muda.
Y.T.M.	...	...	Yam Tuan Muda
Dato' Lak	...	...	Dato' Laksamana.
Lat. Ilm.	...	...	Latchan Ilmiah.

II. Sumber Bacaan:

Bland, R.H.:	Atoran Sungai Ujong (JSBRAS No.28, 1928).
Gullick, J.M.:	Sungai Ujong (JMBRAS jld. XIII bil.2, 1949).
Mills, J.V.:	Emanuel Godinho de Eredia's 1613 Description of Malacca (JMBRAS jld. VIII bil.1, 1930).
Newbold, T.J.:	Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca, jld.II, 1839.
Parr, C.W.C. & Mackray, W.H.:	Rembau (JSBRAS No.56, 1910).
Raja Ali al-Haj.:	Tuhfat al-Nafis (JMBRAS jld.X bil.2, 1932).
Wilkinson, R.J.:	Sungai Ujong (JSBRAS No.83, 1921)
"	Notes on the Negri Sembilan (Papers on Malay Subjects, bil.5, 1911).
Winstedt, R.O.:	Hikayat Negri Johore (JMBRAS jld.X bil.1, 1932).
"	History of Johore (JMBRAS jld.X bil.1, 1932).
"	History of Negri Sembilan (JMBRAS jld.XII bil.3, 1934).
"	History of Selangor (JMBRAS jld.XII, bil.3, 1934).
Radcliffe-Brown, A.R. & Daryll Forde:	African Systems of Marriage and Kinship, 1958.
Surat Ikhrar Waris-Waris Linggi.	
Utusan Melayu:	keluaran 25.8.1959
"	" 27.8.1959
"	" 12.10.1959
"	" 12. 2.1960
"	" 22. 2.1960

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negri Sembilan 1959.